

Headline	Selami hati remaja		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	08 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Selebriti	Circulation	314,321
Page No	b29	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	817 cm ²
Journalist	HELLINIE SINA	AdValue	RM 30,058
Frequency	Daily	PR Value	RM 90,174



Selami hati remaja

>>Oleh HELLINIE SINA
hellinie@metro.com.my

KEPRIHATAN yang ditunjukkan selebriti tempatan untuk golongan kurang bernasib baik boleh dibanggakan apatah lagi populariti mereka mampu menarik masyarakat umum terutama peminat agar turut serta memberi sumbangan sama ada dari segi material mahupun sokongan.

Walaupun sibuk dengan kerjaya seni, mereka turut meluangkan masa menyertai pelbagai aktiviti kemasyarakatan sebagai salah satu cara untuk berbakti kepada orang ramai dan juga peminat.

Beberapa selebriti terkenal seperti Datuk Siti Nurhaliza, Umie Aida, Faizal Tahir, Fahrin Ahmad, Dayang Nurfaizah, Zainal Alam Kadir dan Winnie K menyertai Selebriti Sokongan Riben Merah bagi 2012 diperkenalkan Majlis Aids Malaysia (MAM).

Bertempat di ECOBA Restaurant & Bar Di Damansara Perdana, pelancarannya disempurnakan Presiden MAM, Tan Sri Mohd Zaman Khan yang dihadiri beberapa artis yang sempat meluangkan masa.

Fahrin, antara yang hadir pada majlis itu berkata, peranan mereka bukan hanya setakat menjadi ahli tetapi juga untuk memberi kesedaran dan maklumat kepada orang ramai mengenai penyakit Aids.

"Masih ramai yang tidak mengetahui sebenarnya apa itu Aids. Kami diberikan tanggungjawab untuk memberikan maklumat dan pendidikan kepada masyarakat. Penghidap penyakit ini sangat memerlukan sokongan bukan hanya daripada keluarga mereka tetapi juga masyarakat sekeliling.

"Kami mahu mengubah persepsi dan fahaman mereka tentang hal ini dan tidak mahu mereka terus-menerus mengetepikan penghidap Aids hanya kerana jijik. Kita yang bernasib baik ini seharusnya tidak mendiskriminasi mereka," katanya.

Bintang Ombak Rindu, Aaron Aziz diberi amanah untuk

memegang portfolio bagi membantu golongan remaja. Dia merasakan ini adalah peluang terbaik untuk mendekati dan secara terus memberikan kata-kata perangsang kepada mereka agar meneruskan kehidupan seperti orang biasa tanpa rasa rendah diri.

Yakin dapat menyelami hati remaja, Aaron sudah membuat perancangan untuk mendekati mereka dan aktiviti yang dapat menaikkan semangat golongan remaja agar tidak mengendahkan tohmahan masyarakat seterusnya cuba menggapai impian mereka.

"Saya juga pernah menjalani kehidupan sebagai remaja jadi tidak timbul masalah untuk cuba menyelami hati dan perasaan mereka. Remaja adalah golongan yang sangat rapuh kerana umur antara 12 hingga 15 tahun adalah masa untuk mencari identiti diri dan sangat sensitif.

"Ketika itulah tempoh masa yang sangat penting untuk membentuk peribadi mereka apatah lagi golongan remaja yang menghidap penyakit Aids. Ini peluang saya untuk memberikan motivasi dengan harapan ia akan membantu mereka lebih kuat berhadapan dengan cabaran terutama stigma masyarakat terhadap mereka.

"Pada usia remajalah seseorang itu mudah untuk dibentuk menjadi insan berguna. Saya sangat berterima kasih pada MAM kerana memberikan peluang seperti ini. Ia membuatkan saya bersemangat untuk menyebarkan maklumat dan cara menangani untuk mengelakkan diri daripada dijangkiti Aids," katanya.

Penyanyi berkulit hitam manis kelahiran Sarawak, Dayang Nurfaizah mengakui sangat terharu kerana ini tahun ketiga dia bergiat aktif dengan MAM dalam misi memberikan kesedaran pada orang ramai.

Dia tidak menyangka, khidmatnya masih diperlukan untuk terus membantu MAM menjayakan misi mereka untuk mendidik masyarakat dan menepis sikap memandang serong golongan itu.



CERIA ... antara selebriti yang ingin beri semangat kepada pesakit Aids.

Artis tanah air sertai Selebriti Sokongan Riben Merah bagi 2012 diperkenalkan Majlis Aids Malaysia

"Bagi saya, perkara yang boleh diberikan adalah masa dan kapasiti sebagai seorang penyanyi. Saya menyertai aktiviti program ini seperti melawat rumah tempat mereka tinggal.

"Perkara yang mengejutkan adalah melihat semangat mereka menjalani kehidupan seperti biasa. Perkara ini sudah cukup menunjukkan betapa kuatnya mereka berhadapan dengan kenyataan dan meneruskan hidup mereka walaupun dipandang negatif oleh segelintir masyarakat.

"Mesej yang cuba saya sampaikan kepada umum adalah kita tidak harus bersikap prejudis terhadap mereka sebab itu salah satu lagu dalam album terbaru berjudul Kutemu Cahaya dijadikan lagu tema untuk program ini," katanya.